



مجلس دائيره كوالا پيله
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

TAWARAN SEBUT HARGA

Tarikh: 15hb Ogos 2022

Tawaran adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan Gred G1 dan di bawah tajuk yang bersesuaian dan berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah Tahun 2022 bagi menyertai sebutharga bagi kerja-kerja di bawah:-

Bil	Rujukan MDKP	No. Sebut harga	Projek	Pengkhususan	Tarikh Tutup /Jam	Gred/ Kod bidang
1.	MDKP 193/10/2022 -025	S41/2022	MEMBINA PAPAN TANDA MAKLUMAT BERPUSAT KAWASAN PERINDUSTRIAN DIOH, KUALA PILAH SERTA KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN	CE21	25 Ogos 2022 @ 12.00 t/hari	G1

2.0 Lawatan Tapak:

2.1 Tiada lawatan tapak diadakan.

3.0 Syarat:

3.1 Hanya kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Daerah Kuala Pilah (MDKP) sahaja layak menyertai sebutharga.

3.2 Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada **PEMILIK** syarikat/ kontraktor yang hadir untuk sesi pendaftaran pada tarikh yang telah ditetapkan. **HANYA PEMILIK SYARIKAT sahaja yang dibenarkan menghadiri sesi pendaftaran tersebut. dan wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN.**

3.3 Hendaklah membawa sijil-sijil asal SSM, CIDB dan PKK dan dipamerkan ketika pembelian borang di kaunter Hasil MDKP.

3.4 Hendaklah membawa cop syarikat bagi memudahkan pengisian borang.

3.5 **Permohonan Kebenaran Khas** untuk menyertai sebut harga di luar kod bidang adalah **tidak dibenarkan.**

- 3.6 **PEMALSUAN BUTIRAN** di dalam Borang Pendaftaran dan Dokumen Berkaitan seperti SPKK (CIDB),PKK (CIDB),STB (BPKU) dan lain-lain dokumen yang berkaitan adalah **TIDAK LAYAK /TERBATAL** dan laporan kepada CIDB akan dibuat untuk tindakan undang-undang.
- 3.7 Dokumen Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Majlis Daerah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan,kelewatan dan MDKP tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran.
- 4.0. **Dokumen Sebutharga**
- 4.1 **Harga dokumen sebutharga bagi Gred G1 dijual dengan kadar: RM50.00 (Lima Puluh Sahaja).**
- 4.2 Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Hasil, MDKP mulai **19hb Ogos 2022 (Jumaat) sehingga 24hb Ogos 2022 (Selasa)** pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang.
- 5.0. **Tarikh Tutup:**
- 25hb Ogos 2022 (Rabu) jam 12.00 tengah hari.** Sebutharga hendaklah disertai dengan salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM yang masih sah, serta dimasukkan ke dalam peti tender Majlis Daerah Kuala Pilah.
- 6.0 Majlis tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah atau mana-mana sebutharga yang berpatutan.
- 7.0 Kerjasama dan penyertaan tuan diucapkan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH. MUAFAKAT. SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FAIZAL BIN ABD. MANAP)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Pilah